



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

جَبَاتُ خِالِ الْإِسْلَامِ نِجَرِي سَبَاڤِ

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

27SYAABAN 1445H/ 08 MAC 2024M

RAMADAN ANUGERAH TERINDAH YANG DIRINDUI

Disediakan oleh

Bahagian Penyelidikan & Sebaran Am, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.

KHUTBAH RASMI JHEAINS

DILULUSKAN PADA: 05/03/24

DIBACA PADA :

DILULUSKAN OLEH:

ADAM BIN ABDUL HALI
KETUA PENOLONG PENGARAH
Bahagian Penyelidikan Dan Informasi
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah



Mohon semak QR code ini jika ada sebarang cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih

KHUTBAH PERTAMA

“RAMADAN ANUGERAH TERINDAH YANG DIRINDUI”.

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ :

: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ (البقرة-183)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَي حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، وَتَزَوَّدُوا فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَى، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT!!

Marilah sama-sama kita merafakkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT yang telah memanjangkan umur kita sehingga kita masih berpeluang untuk berkumpul di rumah-Nya hari ini. Khatib turut berpesan agar kita semua berusaha meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT, dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Pada hari yang mulia ini, khatib ingin mengajak hadirin jumaat sekalian bersama-sama menghayati khutbah yang bertajuk **“RAMADAN ANUGERAH TERINDAH YANG DIRINDUI “**

SIDANG JUMAAT YANG DIMULIAKAN ALLAH SWT,

Sekarang ini kita berada di penghujung bulan Sy’aban, insya Allah sama-sama kita berdoa semoga Allah SWT memanjangkan umur dan mentakdirkan untuk bertemu dengan bulan yang penuh keberkatan yakni

bulan Ramadan. Ramadan adalah satu bulan yang paling mulia dan agung, yakni bulan yang dianugerahkan Allah Azza Wajalla kepada makhluknya yang beriman.

Ia juga merupakan bulan yang ditunggu-tunggu kerana kita semua dapat berusaha meningkatkan keimanan dan 'amal ibadah seharian. Ini jugalah masa untuk kita meninggalkan segala keburukan serta mula melakukan kebaikan demi memperoleh kebaikan dunia mahupun di akhirat. Justeru sebagai seorang Islam, antara perkara yang perlu dilakukan ialah memperbaiki segala kelemahan yang ada serta bermuhasabah selanjutnya mengislahkan diri untuk tidak mengulangi perbuatan buruk di masa lalu. Rasulullah SAW pernah bersabda :

كُلُّ ابْنِ آدَمَ خَطَّاءٌ وَخَيْرُ الْخَطَّائِينَ التَّوَّابُونَ

Yang bermaksud : *“Setiap anak Adam (manusia) banyak melakukan kesalahan, dan sebaik-baik orang yang berbuat salah adalah yang (mahu) bertaubat.”* (HR. At-Tirmizi)

JEMAAH JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH SWT,

Semua kita termasuk diri khatib sendiri, sama ada yang berada di Masjid mahupun yang berada di luar, amat merindui kehadiran bulan Ramadan. Kenapa tidak? Kerana Ramadanlah saat Allah SWT tunjukkan kasih sayang-Nya terhadap hamba-hamba-Nya yang beriman. Awal Ramadan sebagai Rahmat Allah, di pertengahannya pula penuh dengan keampunan dan di akhir Ramadan sebagai suatu pembebasan dari azab api neraka.

Pada bulan Ramadan jugalah, Allah SWT memperbetul jadual hidup masyarakat dan kekeluargaan kita. Kenapa terjadi sedemikian? Apabila

tibanya bulan Ramadan, semangat kekeluargaan semakin erat dengan aktiviti berbuka dan sahur bersama. Pada sebelah malamnya pula, aktiviti solat Tarawih berjama'ah dilakukan bersama jiran tetangga, rakan taulan dan masyarakat sekeliling yang memenuhi ruang masjid atau surau setempat. Apabila beramai-ramai keluar untuk mendirikan solat berjamaah, maka akan lahir sistem kejiwaan yang pernah hilang sepanjang 11 bulan yang lalu. Masing-masing mula bertanya khabar, bersalaman dengan penuh kemesraan, mengukir senyuman dan akhirnya ukhuwah kembali berpaut. Itulah sedikit sebanyak suasana yang sering terjadi di bulan Ramadan. Ramadan sangat menyeronokkan, kerana kita berasakan Allah ingin hamba-Nya menyusun semula jadual ibadah sekaligus menyatukan hati-hati kita. Daripada Abu Hurairah RA, bahawa Rasulullah SAW bersabda :

إِذَا جَاءَ رَمَضَانُ فَتُحَّتْ أَبْوَابُ الْجَنَّةِ وَغُلِقَتْ أَبْوَابُ النَّارِ وَصُفِّدَتِ الشَّيَاطِينُ

Maksudnya: “Apabila datangnya Ramadan maka dibuka pintu-pintu syurga, ditutup pintu-pintu neraka dan dibelenggu syaitan-syaitan.”
[HR.Muslim (1079)]

JEMAAH JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH SWT,

Ibadah berpuasa di bulan Ramadan merupakan salah satu pelengkap atau kesempurnaan Rukun Islam. Kefarduan untuk melaksanakannya telah dijelaskan menerusi firman Allah SWT di dalam surah al-Baqarah, ayat 183 pada permulaan khutbah ini tadi :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ

Yang bermaksud :”*Wahai orang-orang yang beriman, diwajibkan ke atas kamu berpuasa (bulan Ramadan) sebagaimana diwajibkan ke atas orang-orang sebelum kamu agar kamu bertakwa*”

Jelasnya di sini, kefarduan untuk melaksanakan ibadah Puasa sangat dititikberatkan sehingga ianya dianggap kesempurnaan Islamnya seseorang. Justeru sebelum tibanyanya Ramadan, Khatib ingin menyeru agar kita sama-sama mengulang-kaji beberapa perkara penting sebelum, semasa dan selepas melaksanakan ibadah Puasa. Sama ada kita bersedia atau tidak, Ramadan pasti akan kunjung tiba. Begitulah juga halnya dengan persiapan diri untuk menghadapinya , demi mencapai tujuan atau objektif yang paling tinggi iaitu “*Mardatillah*, yakni ingin menggapai Reda Allah SWT.

Alangkah moleknnya kita menyambut bulan Ramadan dengan mengambil langkah awal dengan **memperbaiki niat** kita masing-masing. Melakukan suatu ibadah tanpa niat, maka dikhuatiri ibadah tersebut hanya sekadar adat kebiasaan sahaja. Memperbaiki niat bukanlah semudah mengungkapkannya di bibir. Andai para salafus soleh sendiri menghadapi kesukaran untuk memperbaiki niat semata-mata Ikhlas kepada Allah SWT, apatah lagi diri kita. Justeru jika jantung hati kita telah terfokus hanya mencari keredaan Allah semata-mata, maka ‘amal perbuatannya selepas itu akan menjurus kepada-Nya juga. Sepertimana yang diungkapkan oleh Allah SWT melalui firman-Nya di dalam surah al-Bayyinah, ayat 5 :

وَمَا أُمِرُوا إِلَّا لِيَعْبُدُوا اللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ ...

Maksudnya: “*Pada hal mereka tidak diperintahkan melainkan supaya menyembah Allah dengan mengikhhlaskan ibadat kepada-Nya...*”.

JEMAAH JUMAAT SAUDARAKU YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Selain daripada memperbaiki niat yang menjadi tunjang utama, kita juga perlu **memperbanyakkan doa**. Perbuatan berdoa juga merupakan anjuran yang disunnahkan oleh Baginda Rasulullah SAW. Di dalam sebuah riwayat, ada sebahagian hadis yang menjelaskan perihal doa Rasulullah untuk diberkati di dalam bulan Ramadan dan ketika melihat anak bulan Ramadan. Meskipun terdapat perbincangan mengenai status hadis berkenaan, namun ianya boleh diamalkan berdasarkan keumuman berdoa selagi mana ianya tidak bercanggah dengan syarak. Kita bermunajat memohon doa kepada Allah Azza Wajallah agar dikurniakan keberkatan, keimanan yang teguh, keselamatan dan keikhlasan untuk kita benar-benar mampu menempuh Ramadan dengan acara-acara ibadah yang ganjarannya berlipatkali ganda berbanding bulan-bulan yang lain. Di antara doa yang lazim kita dengar dan dibaca seperti yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad di dalam "**Musnad**"nya, bahawa Anas bin Malik RA berkata: "Rasulullah ﷺ berdoa sebaik sahaja datangnya bulan Rejab:

اللَّهُمَّ بَارِكْ لَنَا فِي رَجَبٍ وَشَعْبَانَ، وَبَارِكْ لَنَا فِي رَمَضَانَ

Yang maksudnya: *"Ya Allah berkatilah bagi kami pada bulan Rejab dan Sy'aban serta berkatilah kami juga pada bulan Ramadan"*

JEMAAH JUMAAT RAHIMAKUMULLAH,

Ramadan adalah bulan yang Istimewa, di dalamnya diturunkan kitab suci al-Quran yang menjadi panduan dan petunjuk buat sekalian manusia. Justeru kita perlu mengambil peluang keemasan ini dengan memperbanyakkan **membaca al-Quran**. Andai di luar bulan Ramadan kita dapat mengkhataamkan bacaan al-Quran sekali, namun niat dan

upayakanlah di dalam bulan Ramadan yang bakal menjelma nanti kita mengkhatakannya 2 atau 3 kali sepanjang bulan tersebut.

Selain daripada itu, kita juga berusaha melazimkan diri mulai sekarang untuk mendirikan **Qiyamul lail** di sepertiga malam, berkongsi rezeki dengan memperbanyakkan **sedekah** dan **perbuatan soleh** yang lain. Terlalu banyak sebenarnya 'amal-amal soleh yang boleh kita lazimi mulai sekarang meskipun cuma bersisa beberapa hari sahaja lagi. Justeru, marilah sama-sama kita menginsafi diri kita, seterusnya menjadi yang terbaik dalam kesempatan yang ada. Jangan lupa untuk berdoa semoga Ramadan kali ini menjadi Ramadan yang paling baik dan cukup bermakna buat diri kita dan seisi keluarga kerana kita telah berusaha menyiapkan diri sama ada dari segi mental, fizikal dan juga spiritual menghadapi anugerah terindah yang sangat kita rindui. Ahlan Ya Ramadan.

Firman Allah SWT dalam surah at-Taubah, ayat 112 :

التَّائِبُونَ الْعَابِدُونَ الْحَامِدُونَ السَّائِحُونَ الرَّاكِعُونَ السَّاجِدُونَ الَّذِينَ يَأْتُونَ بِالْمَعْرُوفِ
وَالنَّاهُونَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَالْحَافِظُونَ لِحُدُودِ اللَّهِ وَبَشِّرِ الْمُؤْمِنِينَ

Yang bermaksud : “ (Mereka itu ialah): orang-orang yang bertaubat, yang beribadat, yang memuji Allah, yang mengembara (untuk menuntut ilmu dan mengembangkan Islam), yang rukuk, yang sujud, yang menyuruh berbuat kebaikan dan yang melarang daripada kejahatan, serta yang menjaga batas-batas hukum Allah. Dan gembirakanlah orang-orang yang beriman (yang bersifat demikian)”.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي
هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ
الرَّحِيمُ.

تک س خطة کدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ،
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ،
أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:
إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتُهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا
تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا
إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ
حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ ارْضَ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقُرَابَةِ أَجْمَعِينَ وَعَنْ
التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا
أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.
اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهَدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصَّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَيْنَا

وَعَلَىٰ مَلِكِنَا كِبَاوَه دُولِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سِرِي قَادُوكْ بَكِينِدَا يَغْ دَفْرَتَوَانِ أَكُوغْ
 وَفَخَامَةِ الرَّئِيسِ الْأَعْلَىٰ تَوَانِ يَغْ تَرَاوَتَامِ يَغْ دَفْرَتُوا نَكْرِي سَابِه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ
 الْبَلَدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُّطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَعُوفٌ الرَّحِيمُ.
 اللَّهُمَّ اذْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا
 بَطَّنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ
 قَدِيرٌ.

Ya Allah, selamatkanlah saudara-saudara kami kaum Muslimin Muslimat yang tertindas di bumi barakah khususnya Palestin, kasihanilah mereka dan limpahkan gugusan Rahmat-mu ke atas mereka. Keluarkan mereka dari kesempitan dan kesulitan serta porak perandakan kepungan musuh yang menindas mereka.

Ya Aziz Ya Jabbar, terimalah yang gugur dari kalangan saudara kami sebagai golongan syuhada yang mulia di sisi-Mu, kurniakan kesembuhan yang jatuh sakit dikalangan mereka, kurniakan keafiatan pada yang cedera.

Ya Allah, sesungguhnya kami meyakini engkau sentiasa Bersama mereka, maka hindarkan mereka daripada mara bahaya musuh yang sentiasa menentang mereka, hukumlah zionis yahudi yang melampaui batas yang melakukan kezaliman terhadap saudara kami tanpa kasihan belas. Musnahkanlah segala kekuatan yang mereka miliki, kerana mereka memang tidak berupaya melawan dan melemahkan kekuatan dan kekuasaan-Mu.

Ya Qawiyy wa Ya Qahhar, Engkau cerai beraikan ikatan antara mereka, porak perandakan kesatuan mereka serta gagalkanlah segala tipu daya serta perancangan jahat mereka khususnya puak zionis yahudi dan konco-konco yang membantu mereka.

Ya Rahman wa Ya Rahim, bantulah kami Umat Nabi Muhammad, Perbaiki serta Rahmatilah Umat Nabi Muhammad, Engkau pimpinlah dan bimbinglah kami ke jalan yang lurus yakni jalan yang engkau redai.

Ya Allah! Naungilah kehidupan kami dengan kesejahteraan, keamanan, dan keselamatan serta kurniakanlah kepada kami rezeki yang halal lagi diberkati. Hiasilah diri kami dengan sifat-sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat-sifat yang terkeji.

Ya Allah, Jadikanlah kami dan daripada keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, berpuasa dalam bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redai. Sesungguhnya hanya kepadaMu jua Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ
يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedar oleh:
Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA: Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi
Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah
Tel: 088-522127 / jheains.penerbitan@gmail.com